

BAB 1

LATAR BELAKANG

Pakistan merupakan sebuah negara yang mendapat kemerdekaan bersama-sama India daripada British pada tahun 1947. Bab ini akan mengkaji sejarah awal Pakistan di tanah air yang masih lagi dikenali sebagai India dan tumpuan diberikan kepada pemerintahan Islam di India. Seterusnya tinjauan dibuat ke atas penguasaan British yang telah menggantikan kerajaan Islam yang memberikan tamparan hebat kepada komuniti Islam di India sehingga membawa kepada Pergerakan Pakistan yang berjaya mewujudkan sebuah negara berasaskan ideologi Islam di benua Asia Selatan itu.

Profil dan Sejarah Awal Pakistan

Perkataan ‘Pakistan’ berasal daripada bahasa Persia yang bermaksud ‘the land of the pure’. Ia juga merupakan gabungan kata *pak* yang bermaksud ‘pure’ dan *stan* yang bermaksud ‘land’ yang merujuk kepada kesucian roh penduduk Islamnya.¹ Idea Pakistan telah ditimbulkan oleh Chaudhary Rahmat Ali, seorang mahasiswa di Universiti Cambridge pada tahun 1932. Perkataan ‘P’ mewakili (P)unjab, ‘A’ untuk (A)fghan ataupun dikenali juga sebagai North West Frontier (NWF) yang didominasi oleh kelompok Pathan, ‘K’ untuk (K)ashmir, ‘S’ untuk (S)ind dan ‘TAN’ mewakili Baluchis(TAN).² Nama Pakistan telah digunakan sebaik sahaja kemerdekaaan

¹ Donald N. Wilber, Pakistan : Yesterday and Today, New York : Holt, Rinehart and Winston Inc., 1964, hlm. 2.

² Wm. Theodore de Bary, Sources of Indian Tradition, New York : Columbia University Press, Volume 11, 1958, hlm. 275.

diperolehi daripada British pada 15 Ogos 1947. Sebelum tarikh ini Pakistan masih lagi sebagai sebahagian dari wilayah India.³

Pakistan merupakan negara yang unik di dunia sejak penubuhannya kerana mempunyai dua buah negara. Ia dikenali sebagai ‘dua negara’ kerana bahagian Pakistan Timur dan Pakistan Barat telah dipisahkan oleh negara India sejauh 1600 km (1000 batu) dan berbeza sifat antara kedua-duanya.⁴ Berdasarkan kepada majoriti penduduk, pada tahun 1947 British telah membahagikan benua besar itu kepada dua negara iaitu Pakistan yang bermajoritikan masyarakat Islam dan India yang sebahagian besar penduduknya beragama Hindu. Memandangkan bahagian barat dan timur termasuk dalam kategori penubuhan Pakistan yang bermajoritikan masyarakat Islam maka, terjadilah Pakistan Timur dan Barat.⁵ Bagaimanapun, bahagian Pakistan Timur membebaskan dirinya dari Pakistan Barat dan dikenali sebagai Bangladesh pada tahun 1971.

Secara fizikalnya, Pakistan merupakan sebuah kawasan yang mempunyai ketinggian tidak seragam. Lembah Indus telah menyumbang kepada kewujudan dataran tinggi di bahagian tenggara dan kawasan pergunungan di bahagian utaranya. Dengan keluasan 887,900 km persegi,⁶ Pakistan dibahagikan kepada empat wilayah utama iaitu Punjab, NWF, Baluchistan dan Sind. Lembah Indus meliputi lebih kurang 260,000 km persegi kawasan Pakistan dan saliran sungai yang banyak seperti Sungai

³ Donald N. Wilber, Pakistan : Yesterday and Today, hlm. 2.

⁴ Richard V. Weekes, Pakistan : Birth and Growth as a Muslim Nation, New York : D. Van Nostrand Com. Inc., 1964, hlm. 3-4.

⁵ Donald N. Wilber, Pakistan : Yesterday and Today, hlm. 1.

⁶ Pakistan menganjur dari 24° hingga 37° N (North) latitude dan kira-kira 61° hingga 75° E (East) longitude. Pakistan disempadani oleh India di sebelah timur dan timur laut, Afghanistan di utara hingga ke barat laut, Iran di bahagian barat dan terdapat Laut Arab di bahagian selatan. Manakala, bahagian pergunungan utara Pakistan terdapat negara Kashmir.

Sutlej, Beas, Ravi, Chenab, dan Jhelum telah membuka peluang untuk kegiatan pertanian.

Penduduk Pakistan berdasarkan anggaran pada tahun 1995 terdiri daripada 48% Punjab, 13% Pushto, 12% Sind, Saraiki, dan Baluchi yang keseluruhannya berjumlah 134,974 juta orang. Sebagai sebuah Republik Islam, agama Islam dianuti oleh 97% masyarakatnya manakala, 3% lagi terdiri daripada penganut agama Kristian, Hindu, dan Buddha.⁷ Variasi penduduk di Pakistan ini telah menyebabkan wujudnya kepelbagaian bahasa. Memandangkan kepada kelebihan penggunanya, bahasa Urdu telah dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan manakala, bahasa Inggeris sebagai bahasa yang digunakan dalam urusan tertentu sahaja⁸. Terdapat juga penggunaan dialek-dialek bahasa yang lain seperti Bengali, Sindhi, dan Punjab di Pakistan.

Kedatangan Islam ke India

Penghijrahan asing ke benua India dikesan melalui tiga gelombang penghijrahan yang bermula dengan kemasukan penduduk yang merentasi bahagian NWF dan menetap di Sind dan Punjab. Keduanya, kedatangan keturunan tentera daripada dinasti Nabi Muhammad s.a.w yang telah membina penempatan terutamanya di utara India dan sedikit di kawasan Deccan. Penghijrahan terakhir pula datangnya daripada penduduk berketurunan Arab yang melalui sepanjang pantai barat India dan inilah satu-satunya kemasukan melalui jalan laut.⁹ Hubungan di antara Arab dan

⁷ <http://www.pakistanbiz.com/pakistan/gi.html>, hlm. 2.

⁸ Keith Callard, "Law", dlm. W. Norman Brown (ed.), India, Pakistan and Ceylon, Philadelphia : University of Pennsylvania Press, 1960, hlm. 162.

⁹ T. W. Arnold, The Preaching of Islam : A History of the Propagation of the Muslim Faith, New Delhi : Kitabhavan, 1999, hlm. 237-238.

India sebelum kedatangan Islam sudah sedia terjalin terutamanya dalam hubungan perdagangan. Pada ketika itu orang Arab belayar ke India untuk bermiaga. Banyak kapal Arab dan India belayar di perairan Laut Arab dan Teluk Parsi dan ada juga yang terus ke bahagian selatan Semenanjung Arab menuju ke Yaman dan Laut Merah. Hampir keseluruhan pantai barat India menjadi tempat berlabuhnya kapal-kapal Arab yang hendak belayar ke China, Asia Timur, dan Asia Tenggara.¹⁰

Semasa pemerintahan Khalifah Usman r.a. iaitu khalifah ketiga yang berkuasa di antara tahun 644 M hingga tahun 656 M, beliau mengirimkan utusan-utusan ke India yang diketuai oleh Hakam bin Jabalah al-Abdi dengan memasuki wilayah Sind. Tujuan kedatangan mereka adalah untuk melakukan tinjauan awal terhadap India. Semasa pemerintahan khalifah kelima Bani Umayyah iaitu Abdul Malik bin Marwan, telah timbul inisiatif untuk menawan India dan ia direalisasikan oleh Al Walid bin Abdul Malik. Ketika pemerintahan beliau, satu pasukan tentera seramai 6000 orang yang dipimpin oleh Muhammad Bin Qasim Ast. Staqafi diarahkan memasuki benua ini pada tahun 701 M.¹¹ Pada tahun 711 M, Muhammad Bin Qasim bersama-sama dengan tenteranya berjaya menawan Sind dan Multan.¹²

Berdasarkan kepada corak kemasukan penduduk, masyarakat Islam di India juga menganuti mazhab-mazhab yang berlainan. Sebahagian besar masyarakat Islam yang menetap di sebelah barat dan selatan India menganut mazhab Shafie kerana menerima gelombang Islam dari Semenanjung Arab yang dibawa oleh orang Yaman

¹⁰ Abu Ali Al-Banjari an Nadwi, Sejarah Perkembangan Islam di India, Kedah : Khazanah Banjariyah, 1992, hlm. 25.

¹¹ Ibid, hlm. 26-27.

¹² Abdur Rauf, Renaissance of Islamic Culture and Civilization in Pakistan, Lahore : Sh. Muhammad Ashraf, 1965, hlm. 74.

dan Hadhramaut yang bermazhab Shafie. Manakala, masyarakat Islam India yang menetap di bahagian utara dan timur India hampir keseluruhannya bermazhab Hanafi kerana menerima ajaran Islam daripada orang Afghanistan dan Turki yang bermazhab Hanafi.¹³

Pemerintahan Islam di India

Pada abad ke-17, Mahmud al-Ghaznawi iaitu seorang pahlawan berbangsa Turki yang beribu negara di Ghazni Afghanistan telah menjadikan Punjab sebahagian daripada wilayahnya. Keturunan beliau berjaya bertahan selama satu setengah abad sebelum tewas kepada kaum Turki dari Ghurid.¹⁴ Kekalahan ini kerana pengganti-pengganti Mahmud Ghaznawi telah menyerahkan dua jajahan mereka di Ghazni dan Delhi kepada Dinasti Turki dari Ghurid, iaitu musuh mereka yang mendirikan kerajaan Islam di Delhi pada tahun 1192.¹⁵ Kerajaan Islam di Delhi ini dikenali sebagai Kesultanan Delhi¹⁶ kerana pemindahan ibu kota dari Ghazni ke Delhi yang bermula sejak tahun 1192. Kerajaan ini terdiri daripada Kerajaan Ghori (1186-1289), Khilji (1289-1321), Tughlaq (1321-1451), dan Lodi (1451-1527).¹⁷ Dengan bermulanya Kesultanan Delhi di India bermakna sejarah Indo-Islam di benua itu tidak lagi dikenali sebagai *dar-ul-harb* (wilayah peperangan)¹⁸ oleh pendatang Islam tetapi sudah menjadi *dar-ul-Islam* (tanah Islam)¹⁹. Selama lebih kurang 650 tahun Delhi dikenali sebagai bandar pemerintahan Islam yang membawa kepada kegemilangan

¹³ Abu Ali Al- Banjari an Nadwi, Sejarah Perkembangan Islam di India, hlm.31.

¹⁴ Freeland Abbott, Islam and Pakistan, New York : Cornell University Press, 1963, hlm. 30.

¹⁵ Richard Symonds, Pembinaan Pakistan, Djakarta : P. N. Balai Pustaka, 1964, hlm. 17.

¹⁶ Dikenali juga sebagai Pemerintahan Dinasti Turk-Afghan atau pemerintahan Raja-raja Pathan.

¹⁷ Donald N. Wilber, Pakistan : Yesterday and Today, hlm. 53.

¹⁸ Tanah atau tempat kediaman atau kawasan musuh yang tidak mengamalkan undang-undang Islam dan masyarakat Islam tidak dilindungi.

¹⁹ Tanah atau tempat kediaman yang mengamalkan undang-undang Islam dan Islam mempunyai kuasa sepenuhnya.

Kerajaan Mughal iaitu dengan terbinanya sebuah empayar yang hampir meliputi keseluruhan benua itu.²⁰

Semasa tiga abad pemerintahan Kesultanan Delhi di India, terdapat kerajaan Islam yang lain di bahagian utara seperti Kerajaan Sind, Gujerat, Malwa, Jaunpur, Kashmir, dan Bengal. Sind memisahkan dirinya daripada kawalan Lodi dan diperintah oleh Dinasti Baluchi manakala, Afghan dan Gujerat dikuasai oleh kerajaan Tughlaq sehingga akhir abad ke-13 sebelum bernaung di bawah kesultanan Gujerat. Jaunpur pula mendapat kemerdekaan daripada Tughlaq dan menjalankan pemerintahan sendiri manakala, Kashmir pula diperintah oleh raja-raja Muslim. Bengal dikuasai berselang-seli di antara pemerintah Hindu dan Islam.²¹

Penguasaan kerajaan Islam bertahan sejak kepimpinan Muhammad bin Qasim sehinggalah kepada penguasaan Islam di Bengal. Mengapa Islam mudah diterima dan mampu bertahan di benua India berbanding dengan agama Hindu? Sarjana melihat bahawa salah satu faktor utama penerimaan budaya Islam oleh penduduk tempatan di India kerana kelemahan budaya Hindu yang berdasarkan kepada Sistem Kasta. Sistem ini telah meletakkan masyarakat ke beberapa tahap di antara tinggi dan rendah. Masyarakat yang berada dalam kasta rendah dan ‘tidak boleh sentuh’ ditolak hak-hak mereka dalam sosiobudaya dan kehidupan sekaligus. Islam pula membawa amalan kesamarataan dan persaudaraan.²²

²⁰ Stanley A. Wolpert, “Prologue to Pakistan : Some Roots of Muslim National Separatism in Recent Indian History”, dlm. Milton Israel dan N. K. Wagle (ed.), Islamic Society and Culture, New Delhi : Manohar Publications, 1983, hlm. 225.

²¹ Donald N. Wilber, Pakistan : Yesterday and Today, hlm. 59-60.

²² Abdur Rauf, Renaissance of Islamic Culture and Civilization in Pakistan, hlm. 75.

Kesultanan Delhi yang didominasi oleh orang Turk-Afghan kemudiannya digantikan oleh Dinasti Mughal yang terdiri daripada kalangan pemimpin berbangsa Turki-Mughal dari Asia Tengah.²³ Pemerintah Dinasti Mughal (1526-1707) telah berjaya membina dan membawa peradaban Islam di benua India sampai kepuncaknya dan mengatasi kehebatan Dinasti Islam sebelumnya.²⁴ Penaklukan Babur pada tahun 1526 merupakan tarikh bermulanya pemerintahan empayar Mughal di India dan kejatuhannya pula bermula sejak kematian Aurangzeb pada tahun 1707.²⁵ Semasa kegemilangan Dinasti Mughal, telah berlakunya aliran kemasukan masyarakat Islam dari barat dan barat laut yang memberi kesan kepada populasi masyarakat Islam di India. Kemasukan ini adalah daripada orang Afghan dan Mughal yang dikenali sebagai Mughal Turani yang bermazhab Sunnah dan Mughal Iran yang bermazhab Syiah.²⁶

Kepimpinan Dinasti Mughal di antara tahun 1526-1857 merupakan zaman kecemerlangan Islam di India lantaran sumbangan pemimpin Mughal seperti Babur, Jehangir, Akbar, dan Shah Jehan yang telah memberikan pencapaian dalam estetika, kemunculan agama baru, pendidikan, dan kerja-kerja saintifik.²⁷

Semasa Dinasti Mughal juga, penduduk Islam menyumbangkan sebanyak 20-25% daripada populasi masyarakat India. Penganutan besar-besaran penduduk Hindu kepada agama Islam telah dilakukan secara sukarela akibat penolakan terhadap Sistem

²³ Richard Symonds, Pembinaan Pakistan, Djakarta : P. N. Balai Pustaka, 1963, hlm. 20-21.

²⁴ Donald N. Wilber, Pakistan : Yesterday and Today, hlm. 59-60.

²⁵ S. M. Edwards, H. L. O. Garrett, Mongol Rule in India, Delhi : S. Chanel & Co., 1956, hlm. 2.

²⁶ Ibid, hlm. 161.

²⁷ Abdur Rauf, Renaissance of Islamic Culture and Civilization in Pakistan, hlm. 76-77.

Kasta yang menjadi amalan turun-temurun penduduk Hindu di India.²⁸ Menurut Richard M. Eaton, pertambahan penduduk Islam di India dilihat dari tiga teori utama iaitu pertama, teori migrasi yang membawa kepada perpindahan besar-besaran penduduk Islam ke India yang melintasi benua Iranian atau belayar melalui Laut Arab. Teori kedua merupakan teori yang tertua tentang Islamisasi di India, iaitu kerana peranan pihak tentera di dalam mengembangkan agama Islam di India. Manakala, idea yang lebih mendapat tempat pada abad ke-20 adalah tekanan dominasi Eropah ke atas penduduk Islam, misalnya di dalam kontek pergerakan reformasi Islam yang sering berlaku pada akhir abad ini.²⁹

Ketahanan pemerintahan Islam mengalami zaman penurunannya apabila pewaris Islam selepas pemerintahan Aurangzeb (1658-1707) gagal menghayati kesyumulan Islam. Pemerhatian dan minat pada kebendaan membawa perpecahan di kalangan pemerintah dan semangat persaudaraan Islam mula terhakis. Perpecahan ini telah memberi peluang dan kesempatan yang baik kepada kuasa Hindu di bawah pimpinan Maratha bertapak dan berkuasa.³⁰

Islam di India pada akhir abad ke-18 berada dalam tahap yang amat lemah, bukan sahaja disebabkan oleh kebangkitan golongan Hindu tetapi juga kerana kekosongan dalam kepimpinan Islam itu sendiri. Kebimbangan Shah Waliullah

²⁸ Tariq Ali, Can Pakistan Survive : The Death of a State, London : Penguin Books Ltd., 1983, hlm. 16.

²⁹ Richard M. Eaton, The Rise of Islam and the Bengal Frontier, 1204-1760, London : University of California Press, 1996, hlm. 113.

³⁰ Khalid bin Sayeed, Pakistan : The Formative Phase 1857-1948, London : Oxford University Press, 1968, hlm. 3.

(1702-1762)³¹ terhadap penghakisan nilai-nilai Islam nyata berlaku selepas Islam gagal memberikan kekuatan baru untuk mendominasi banyak bidang di India. Malahan, Islam lebih tertekan apabila polisi British lebih memihak kepada golongan Hindu.³²

Pendudukan British di India

Penemuan Tanjung Pengharapan di Afrika Selatan oleh Vasco De Gama yang berbangsa Portugis pada tahun 1497 telah membuka pintu perdagangan bangsa Eropah ke Timur. Selain itu, kejayaan yang dikecapi oleh Admiral Francisco De Almeida yang sampai ke Goa pada tahun 1505 telah memberi lebih banyak ruang untuk perdagangan mereka. Penemuan-penemuan benua baru oleh Portugis ini menarik minat kuasa-kuasa barat yang lain termasuklah British yang akhirnya berjaya memasuki Madras dan Calcutta pada tahun 1602 melalui pantai timur India. Dalam proses menjatuhkan kerajaan Mughal, British telah memainkan peranan yang penting melalui falsafah mereka iaitu *Farriq Tasud* yang bererti ‘pecah belahkan mereka, pasti mereka dapat kau kuasai’. British menggunakan hasutan-hasutan sehingga mereka berjaya mendapatkan wilayah Mughal sedikit demi sedikit.³³

Pengaruh British mula meresap dalam masyarakat India semasa pemerintahan Dinasti Mughal. Raja-raja Mughal cuma sekadar raja boneka sedangkan kekuasaan British menular dalam negeri dan syarikat perdagangannya berubah menjadi

³¹ Merupakan ahli teologi, sufi, dan pemikir Islam di India yang amat berpengaruh pada abad ke-18. Beliau membawa idea perubahan Islam dengan menterjemahkan al-Quran ke dalam bahasa Persia untuk membawa mesej yang lebih berkesan dalam pemikiran masyarakat Islam India.

³² Pakistan : An Official Handbook 1978-81, hlm. 2-6.

³³ Abu Ali Al Banjari An Nadwi, Sejarah Perkembangan Islam di India, hlm. 105.

pemerintah yang memegang kekuasaan. British juga melakukan banyak kekejaman dengan merampas harta rakyat sehingga menyebabkan huru-hara, kemiskinan, dan kelaparan. Akibat daripada ketidakpuasan hati penduduk, pada tahun 1857 telah berlakunya Pemberontakan Dahagi yang diketuai oleh Bahadur Shah iaitu raja Mughal ke-14 yang memerintah ketika itu. Pemberontakan ini dilakukan bersama-sama oleh masyarakat Hindu dan Islam. Bagaimanapun, kemenangan tidak memihak kepada penduduk India dan ini memberi ruang kekuasaan kepada British yang kemudiannya mengumumkan seluruh tanah India jatuh ke dalam jajahan mereka.³⁴ Sehingga tahun 1947 cuma Hyderabad sahaja yang mampu bertahan sebagai wilayah Islam tetapi tetap berada di bawah ketuanan British kerana pemerintahnya yang taat setia kepada British.³⁵

Pergerakan Pakistan

Pakistan tertubuh amnya kerana masyarakat Islam di India tidak bersedia untuk menerima kemerdekaan daripada British dalam kerangka negara India yang bermajoritikan penduduk Hindu.³⁶ Menurut kajian yang dilakukan oleh sarjana Islam, keretakan hubungan masyarakat Hindu dan Islam telah wujud beberapa ratus tahun sebelum kedatangan British ke India. Konflik antara kedua-duanya muncul kerana perbezaan ketara antara agama yang dianuti oleh mereka. Islam dianggap sebagai agama sejagat dan mampu tersebar di mana-mana sahaja berbanding agama Hindu yang lebih bersifat tempatan.³⁷ Bagaimanapun, menurut Mahatma Gandhi dalam satu

³⁴ Ibid, hlm. 133-135.

³⁵ Richard Symonds, Pembinaan Pakistan, hlm. 24.

³⁶ Keith Callard, Pakistan : A Political Study, London : George Allen & Unwin Ltd., 1957, hlm. 5.

³⁷ S. M. Burke, Mainsprings of Indian and Pakistani Foreign Policies, Minneapolis : University of Minnesota, 1974, hlm. 11.

ucapannya berkata bahawa persengketaan Hindu-Islam adalah akibat peranan yang dimainkan oleh British sejak kedatangannya ke India pada abad ke-19. Ketegangan dikatakan bermula apabila pendekatan Akbar yang keras terhadap kaum Hindu berkenaan sistem cukai menyebabkan mereka tidak puas hati dan berasa dilayan sebagai golongan kedua.³⁸ Kepimpinan Aurangzeb yang keseluruhanya memihak kepada masyarakat Islam tidak disenangi oleh masyarakat Hindu.³⁹

Kedatangan British secara perlahan-lahan mengubah posisi golongan Hindu dan Islam. Semasa pemerintahan Islam, masyarakat Islam mendapat semua keistimewaan terutamanya golongan elit yang terdiri daripada pentadbir dan tuan tanah. Namun, pendudukan British di India memperlihatkan penyingkiran masyarakat Islam sementara golongan Hindu pula berada di kedudukan yang lebih baik. Menyedari akan keistimewaan memegang kuasa, kedua-dua kaum ini bersaing untuk mendapatkan kedudukan dalam kerajaan, pekerjaan, dan sebagainya.⁴⁰

Bagi penduduk Islam, keinginan terhadap kewujudan Pakistan disebabkan oleh sikap komuniti Hindu di India yang tidak bertoleransi dan meletakkan ajaran Hindu sebagai asas pemerintahan mereka. Komuniti Hindu yang didominasi oleh *Brahmin* (pendeta Hindu) selalu menganggap masyarakat Islam yang datang dari luar telah membawa bersama-sama mereka budaya asing yang dikenali sebagai *mlechas* (tidak bersih) dan mereka juga sering mengingati layanan pemerintah Islam terhadap mereka yang dikatakan suatu penganiayaan agama.⁴¹ Masyarakat Islam pula selalu

³⁸ Freeland Abbott, Islam and Pakistan, hlm. 67-68.

³⁹ Khalid Bin Sayeed, Pakistan : The Formative Phase 1857-1948, hlm. 3.

⁴⁰ Ibid.

⁴¹ Khalid Bin sayeed, The Political System of Pakistan, Boston : Houghton Mifflin Company, 1967, hlm. 3.

beranggapan bahawa kebanyakan pendapat dan peraturan telah diambil daripada masyarakat Hindu yang merupakan golongan majoriti. Selain itu, sejarah kewujudan kepimpinan Islam di India memberi kesan kepada penduduk kelas atasan Islam yang merasakan mereka tidak selayaknya diperintah oleh masyarakat Hindu. Golongan ini tidak merasakan India sebagai tanah ibunda kerana kebanyakannya adalah pendatang. Bagaimanapun, penduduk Islam yang dahulunya beragama Hindu tidak mahukan pemisahan India kerana mereka menganggap India sebagai tanah air sendiri.⁴²

Menurut Richard V. Weekes, Pakistan telah ditubuhkan kerana kesan daripada penubuhan Bengal yang telah mendapatkan kemerdekaan daripada India pada tahun 1906 melalui perjuangan Shamsudin Ilyas Shah. Pemisahan Bengal merupakan kemuncak pembangunan Islam di benua India dan ini menjelaskan kepada pemimpin Islam yang lain bahawa sudah tiba masanya untuk mempunyai kuasa politik mereka sendiri.⁴³ Hasil daripada perjumpaan pemimpin Islam di Dacca pada 30 Disember 1906, tertubuhnya Liga Muslim India (All Indian Muslim League). Pemimpin-pemimpin Islam yang memainkan peranan penting di sebalik penubuhannya seperti Nawab Vigar-ul-Mulk, Nawab Salimullah dan Mazhar-ul-Haq. Manakala, Maulana Muhammad Ali sebagai penggaris perlumbagaan Liga. Resolusi pertama Liga mengutarakan tiga objektif utama iaitu :

- 1 Menggalakkan rasa kesetiaan kepada kerajaan British di kalangan masyarakat Islam India;
- 2 Menjaga kepentingan politik golongan Islam India; dan

⁴² Ibid, hlm. 6.

⁴³ Richard V. Weekes, Pakistan : Birth And Growth as a Muslim Nation, hlm. 63.

- 3 Untuk membawa pemahaman yang lebih baik di antara masyarakat Islam dan komuniti yang lain.⁴⁴

Pada 1 Oktober 1906, delegasi yang terdiri daripada 17 orang pemimpin Islam yang diketuai oleh Aga Khan telah mencadangkan ‘pengundian berasingan’ (separate electorate) kepada masyarakat Islam dari pelbagai sudut pemerintahan. Ini memandangkan penduduk Islam terdiri daripada 14% populasi India. Kelulusan kemudiannya diperolehi daripada British di bawah Akta Majlis India yang memberikan hak kepada masyarakat Islam untuk memilih wakil-wakil politik mereka sendiri dan kebenaran mengundi dalam kawasan pengundian umum.⁴⁵

Atas nama Islam, faktor keselamatan dan keadilan, idea ‘teori dua negara’ (two nation theory) telah diketengahkan oleh pemimpin Islam. Pada peringkat awal, idea ini hanya bersifat luahan biasa tetapi atas faktor desakan dan tekanan yang kian hari dirasai oleh masyarakat Islam apabila berdepan dengan kecurigaan British dan penentangan masyarakat Hindu, idea ini bertukar menjadi ideologi politik yang telah membangkitkan semangat nasionalisme dalam menuntut penubuhan Pakistan. Teori dua negara bermaksud dua negara di India yang terdiri daripada negara Islam yang diperintah dan mengamalkan cara hidup Islam, manakala, negara Hindu yang diperintah dan mengamalkan budaya Hindu. Sir Sayyid Ahmad Khan adalah tokoh yang bertanggungjawab menanam ‘benih’ penubuhan Pakistan dengan kata-katanya iaitu “terdapat dua bangsa di India yang bukan berdasarkan geografi tetapi atas dasar agama dan semuanya akan mengalir darinya.”⁴⁶ Idea ini kemudiannya dibangunkan kembali oleh Muhammad Ali Jinnah semasa sesi perbincangan Liga Muslim di

⁴⁴ Khalid Bin Sayeed, Pakistan : The Formative Phase 1857-1948, hlm. 30.

⁴⁵ Khalid Bin Sayeed, The Political System of Pakistan, hlm. 13-14.

⁴⁶ Keith Callard, Pakistan : A Political Study, hlm. 11.

Wilayah Sind pada Oktober 1938 dan menghalusi idea itu pada tahun 1940 melalui artikelnya yang bertajuk *Time and Tide*. Menurut Jinnah, idea penubuhan dua negara ini adalah kerana 2/3 daripada penduduk India membentuk kumpulan beragama Hindu dan 1/3 daripadanya yang berjumlah lebih 70 juta orang adalah penduduk Islam yang menampakkan perbezaan nyata dari segi agama, undang-undang, dan sosiobudaya.⁴⁷

Teori dua negara oleh *Quaid-i-Izam* (The Great Leader) Muhammad Ali Jinnah adalah asas kepada pergerakan nasionalisma Islam di benua India. Jinnah tidak mendefinisikan ‘nation’ itu sebagai perkongsian bahasa atau keadaan-keadaan tertentu, sejarah, budaya, dan pakaian. Lebih tepat lagi dia mengatakan bahawa Islam dan Hindu adalah bukan sekadar perkataan tetapi kod-kod sosial yang tidak boleh dijadikan satu nasionaliti.⁴⁸ Teori dua negara ini bagaimanapun mendapat tentangan daripada Gandhi dengan kata-katanya bahawa “India must remain one nation, in spite of the change of faith of a very large body of her children.” Tetapi, menurut Iqbal pula, “Islam is the individual experience creative of a social order.”⁴⁹ Teori ini telah diutarakan oleh Liga Muslim untuk membolehkan mereka mendapat sebuah negara sendiri dan membolehkan mereka mengamalkan ideologi Islam.

Kongres Kebangsaan India (Indian National Congress) telah ditubuhkan pada tahun 1885. Kelahirannya adalah hasil kesedaran golongan pertengahan yang mendapat pendidikan barat sama ada Islam atau sebaliknya. Golongan ini mendapat

⁴⁷ Aziz Ahmad, Islamic Modernism in India and Pakistan 1957-1964, 1967, hlm. 162-166.

⁴⁸ Mumtaz Ahmad, “Pakistan”, dlm. Shireen T. Hunter (ed.), The Politics of Islamic Revivalism, Bloomington : Indiana University Press, 1988, hlm. 230.

⁴⁹ Arif Hussain, Pakistan : Its Ideology and Foreign Policy, London : Frank Cass & Co. Ltd., 1966, hlm. 55.

inspirasi untuk memperjuangkan idea nasionalisma dan berhasrat untuk menubuhkan negara moden serta bebas daripada penjajahan.⁵⁰ Atas dasar memperjuangkan semangat nasionalisma inilah setiap lapisan masyarakat dari pelbagai agama sama ada Hindu, Islam, Kristian, Sikh, Jain, dan Parsi telah menyertainya. Daripada sejumlah 702 wakil yang menghadiri perjumpaan tahunan pada tahun 1890, hanya sebanyak 156 orang daripadanya adalah orang Islam.⁵¹ Bagaimanapun, semangat untuk terus bergerak bersama-sama Kongres Kebangsaan India kian pudar di kalangan masyarakat Islam terutamanya pada akhir abad ke-19 kerana dakwaan bahawa Kongres Kebangsaan India lebih memihak kepada golongan Hindu.

Sedari awal, Sir Sayyid Ahmad Khan telah melihat objektif Kongres Kebangsaan India tidak akan memberikan ruang yang baik kepada golongan Islam dalam pemerintahan. Menurutnya, “Congress objective of representative government meant that Muslim would be swamped by the Hindu majority”.⁵² Sir Surendranath Banerjea (1848-1926)⁵³ telah memberikan pandangan bahawa kegagalan Kongres dalam menarik penyertaan masyarakat Islam adalah jelas kerana Kongres Kebangsaan India adalah bersifat Kongres Hindu.⁵⁴

Tahun 1935-1947 merupakan tahun penting dalam sejarah penubuhan Pakistan. Antara peristiwa yang membawa kepada penubuhan Pakistan seperti

⁵⁰ K. C. Saxena, Pakistan : Her Relation With India 1947-1966, New Delhi : Vir Publishing House, 1966, hlm 1.

⁵¹ Sir Valentine Chirol, India : Old and New, London : Macmillan & Co. Ltd., 1921, hlm. 111.

⁵² Khalid bin Sayeed, Pakistan : The Formative Phase 1857-1948, hlm. 18.

⁵³ Ketua kaum Benggali pada abad ke-19. Dua kali menjadi presiden Kongres Kebangsaan India dan meninggalkannya pada tahun 1918 untuk menjadi pemimpin All India Liberal Federation. Mengajurkan semangat penentangan terhadap British dan memperjuangkan satu kesatuan masyarakat India.

⁵⁴ Khalid Bin Sayeed, Pakistan : The Formative Phase 1857-1948, hlm. 19.

pilihanraya pada tahun 1937 dan reaksi masyarakat Islam terhadap Kongres pada tahun-tahun 1937-1939, diikuti dengan ketegangan hubungan di kalangan kaum, kejayaan Liga Muslim dalam pilihanraya pada tahun 1946 serta tindakbalas British pada tahun 1945 hingga tahun 1947 yang akhirnya membawa kepada pencapaian kemerdekaan India dan Pakistan pada 15 Ogos 1947.⁵⁵

Pada pilihanraya tahun 1937 di India, Liga Muslim hanyalah umpama sebuah ‘paper party’. Ini kerana Liga Muslim cuma memenangi 109 daripada 482 kerusi yang disediakan untuk penduduk Islam ataupun hanya 4.8% sahaja daripada jumlah keseluruhan pengundi di kalangan penduduk Islam. Liga tidak memenangi sebarang kerusi majoriti di wilayah yang bermajoritikan penduduk Islam malahan, penerimaan di wilayah ini terlalu buruk.⁵⁶ Selepas kemenangan Kongres Kebangsaan India ketika pilihanraya tersebut, kerajaan dibentuk di semua wilayah yang diasaskan kepada majoriti Hindu. Kongres kemudiannya menolak untuk mengadakan perlembagaan bersama-sama Liga dengan menyatakan hanya satu parti sahaja mampu membuktikan kepada British kejayaan reformasi sosial dan ekonomi yang akan menyebabkan British beredar dari India.⁵⁷

Pemerintahan Kongres pada tahun 1937 hingga tahun 1939 telah membuka mata penduduk Islam. Kerajaan Kongres, terutama di Wilayah Pusat telah memberikan perubahan yang besar terhadap persepsi masyarakat Islam. Etika politik telah diambil dari prinsip-prinsip golongan majoriti Hindu. Kongres juga menolak

⁵⁵ C. H. Philips, Mary Doreen Wainwright (eds.), The Partition of India : Policies and Perspectives 1935-1947, London : George Allen & Unwin Ltd., 1970, hlm. 12.

⁵⁶ S. R. Mehrotra, “The Congress and The Partition of India”, dlm. C. H. Philips dan Mary Doreen Wainwright (eds.), The Partition of India : Policies and Perspectives 1935-1947, London : George Allen & Unwin Ltd., 1970, hlm. 190.

⁵⁷ Aziz Ahmad, Islamic Modernism in India and Pakistan 1957-1964, hlm. 170.

untuk memberi kedudukan kepada pemimpin-pemimpin Liga Muslim dalam kabinet walaupun Liga memenangi banyak kerusi serta menolak pembahagian dalam perkhidmatan awam.⁵⁸ Selain itu, telah timbulnya isu dalam bidang pendidikan apabila kanak-kanak Islam diarahkan mempelajari bahasa Hindi di sekolah dan skim pendidikan diambil dari vedik Hindu. Kanak-kanak lelaki Islam diarahkan memberi hormat kepada bendera Kongres, menyanyikan *Bande Mataram*⁵⁹ sebelum pembukaan sekolah sesi pagi, memakai pakaian *khadrar* dan topi Gandhi serta menyembah potret beliau. Selain itu, sekatan dikenakan ke atas penyembelihan lembu oleh pemimpin Hindu terhadap penduduk Islam kerana bagi masyarakat Hindu lembu itu adalah suci dan harus disembah.⁶⁰ Ini dengan jelas membuktikan bahawa Kongres adalah milik masyarakat Hindu. Liga Muslim bertindak balas dengan menjadi parti pembangkang terkuat menentang Kongres dan dalam tempoh dua tahun sahaja Liga Muslim telah berjaya mendapat kepercayaan penuh daripada masyarakat Islam.⁶¹

Pada Oktober 1938, semasa mesyuarat Liga Muslim di Sind Karachi, pemimpin Islam telah merujuk negara India sebagai bukan negara tetapi sebuah benua dan mereka menganjurkan politik berbeza di antara masyarakat Islam dan Hindu. Ketika sesi perjumpaan tahunan yang berlangsung di Lahore pada 26 Mac 1940 pula, ketua Liga Muslim mencadangkan dengan jelas penciptaan negara Islam yang bersingungan, iaitu sebuah zon majoriti Islam di bahagian barat laut dan timur laut

⁵⁸ Saffdar Mahmood, Political Roots and Development, New Delhi : Sterling Publishers Private Limited, 1990, hlm. 13.

⁵⁹ Lagu nasionalisme Hindu yang menjadi popular semasa penentangan pembahagian Bengal oleh masyarakat Hindu dan dianggap oleh British sebagai simbol hasutan. Diambil sebagai lagu kebangsaan India yang terdapat dalam *Anandamath* tulisan Bankim Chandra Chatterjee dalam menentang pendatang luar termasuk masyarakat Islam.

⁶⁰ C. H. Philips dan Mary Doreen Wainwright (eds.) The Partition of India : Policies and Perspectives 1935-1947, hml. 375.

⁶¹ Aziz Ahmad, Islamic Modernism in India and Pakistan, hml. 170.

(Bengal). Sementara itu, pada Mac 1942, apabila tentera Jepun mula mengenakan tekanan di bahagian timur laut India selepas penjajahannya di Burma, Kabinet Perang British menghantar Sir Stafford Cripps bersama-sama cadangan kemerdekaan India dengan syarat India memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada mereka dalam perang dan cadangan ini dikenali sebagai Cadangan Cripp (Cripp Proposals). Bagaimanapun, cadangan ini ditolak oleh Kongres Kebangsaan India kerana ia mengandungi unsur penubuhan Pakistan dan ditolak juga oleh Liga Muslim kerana unsur penubuhan itu tidak jelas.⁶²

Pada pilihanraya tahun 1945, Liga Muslim telah memenangi sebanyak 30 kerusi Islam di Perhimpunan Perundangan Pusat (Central Legislatif Assembly). Di Parlimen Wilayah, Liga memenangi sejumlah 427 daripada 507 kerusi Islam. Apabila Liga Muslim menuntut supaya diadakan kerajaan sementara yang mesti dimiliki oleh Liga Muslim, Kongres telah menolak untuk menyertainya. Justeru, British telah memanggil untuk mengadakan pilihanraya semula dan menolak kerajaan sementara. Dari sinilah bermulanya kemarahan Jinnah yang menolak kaedah pilihanraya. Liga Muslim kemudiannya mengumumkan untuk mengadakan demonstrasi. Selepas perang tamat, Misi Kabinet British (British Cabinet Mission) sampai di India pada Mac 1946 dan mengutarakan cadangan persekutuan tiga zon. Zon A mengandungi wilayah India yang majoritinya terdiri daripada masyarakat Hindu dan merupakan kawasan yang penting di benua itu; Zon B pula mengandungi wilayah di bahagian barat laut dengan majoriti penduduk Islam; dan Zon C pula termasuk Bengal dan Assam yang ramai penduduk Islam. Cadangan ini diutarakan untuk memberikan Kongres satu kesatuan di benua yang didudukinya dan juga

⁶² Ibid, hlm. 170-173.

memberikan masyarakat Islam sedikit autonomi tetapi bukan kemerdekaan. Kongres dan Liga menerima selepas perbincangan lanjut. Namun, kenyataan Nehru yang menjadi Perdana Menteri India pada masa itu yang menyatakan rancangan akan diubah selepas kemerdekaan telah mendapat reaksi dari Liga Muslim yang memberi tantangan ke atas keputusan Misi Kabinet British tersebut.⁶³

Pada Julai 1946, pilihanraya telah diadakan semula dan kali ini Liga telah mengalami kekalahan yang teruk dengan memenangi sebanyak 3 daripada 79 kerusi Islam. Tetapi, idea penubuhan Pakistan telah mendapat perhatian daripada 292 ahli Kongres yang bersetuju dengan cadangan pembahagian India. Bagaimanapun, Nehru menolak cadangan pembahagian India itu dengan menyatakan “The big probability is that there will be no grouping (of province).”⁶⁴

Pada 16 Ogos 1946, telah berlakunya demonstrasi jalan-jalan melalui ‘Direct Action Day’,⁶⁵ dan berlanjutan pada 19 Ogos 1946 dengan peristiwa ‘Great Calcutta Killing’.⁶⁶ Wizurai British kemudiannya mempelawa Kongres untuk membentuk kerajaan sementara tanpa memasukkan Liga. Demonstrasi berlanjutan kepada kejadian ‘The Wall of Death’ pada 6 November 1946. Pertembungan-pertembungan ini akhirnya membawa kepada perselisihan di antara kaum Hindu, Islam, dan Sikh yang masing-masing memperjuangkan keselamatan diri sendiri. Rentetan itu pada 20 Februari 1946, British telah mengumumkan untuk keluar dari India pada Jun 1948.

⁶³ Ibid, hlm. 173.

⁶⁴ Richard V. Weekes, Pakistan : Birth and Growth as a Muslim Nation, hlm. 86-87.

⁶⁵Tindakan untuk mencapai gagasan pemubuhan Pakistan. Dilancarkan di seluruh India dan masyarakat Islam digesa untuk menangguhkan sebarang mesyuarat umum serta demonstrasi dalam menyatakan sokongan mereka.

⁶⁶ Berlaku pada 19 Ogos 1946 dan berakhir pada 20 Ogos 1946. Dianggarkan 4000 orang terbunuh dan 11,000 cedera. Banyak jabatan British dan Kongres dibakar.

Pada 3 Jun 1947, Kongres dan Liga Muslim telah menerima cadangan Lord Mountbatten untuk membahagikan India kepada dua negara iaitu India dan Pakistan. Kemerdekaan India dan Pakistan diumumkan oleh Lord Mountbatten pada 15 Ogos 1947.⁶⁷

Penubuhan Pakistan menjadi sangat menarik jika diteliti dari sudut ideologi politik yang dipegangnya. Antara persoalan yang sering dikemukakan ialah adakah Pakistan benar-benar sebuah negara Islam? Usaha untuk menjawab soalan-soalan sebegini hanya akan difahami setelah meneliti dua perkara. Pertama, sejarah penubuhan negara tersebut dan kedua, ideologi politiknya dalam konteks Islam yakni menurut al-Quran dan al-Sunnah.

Politik Islam Menurut al-Quran dan al-Sunnah

Kewajipan berpolitik secara Islam adalah ditegakkan dengan ayat-ayat al-Quran, Sunnah Rasullullah s.a.w, *ijma*,⁶⁸ *Qiyas*,⁶⁹ dan fakta-fakta sejarah.⁷⁰ Politik adalah sebahagian daripada ajaran Islam dan tidak ada dalam Islam pemisahan di antara negara dan agama mahupun masjid dan parlimen. Dalam sistem politik Islam kekuasaan bukanlah terletak pada tangan individu ataupun orang ramai, tetapi kekuasaan dan kedaulatan terletak pada Allah s.w.t. Dialah yang menetapkan sesuatu

⁶⁷ Richard V. Weekes, *Pakistan : Birth and Growth as a Muslim Nation*, hlm. 87-90.

⁶⁸ Hasil pandangan golongan *ulama* yang ikhtisas dan arif tentang hukum Islam yang berkaitan dengan status sesuatu hal yang tidak terdapat dalam al-Quran dan Sunnah.

⁶⁹ Pemikiran secara analogi, bermaksud memutuskan hukum sesuatu perbuatan itu berdasarkan hukum sesuatu perbuatan yang lain yang sudah ada hukumnya, apabila antara kedua-dua perbuatan itu ada kesamaan. *Qiyas* dilakukan melalui proses yang dinamakan *ijtihad*, iaitu berusaha dengan fikiran. *Ijtihad* ini dilakukan atas landasan istilah iaitu untuk mencari kemanfaatan umum.

⁷⁰ Fazlur Rahman, *Islam*, Chicago : University of Chicago Press, 1979, hlm. 68.

dan manusia sebagai khalifah-Nya⁷¹ yang wajib melaksanakan segala yang ditetapkan. Antaranya seperti firman Allah yang bermaksud :

“...dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang yang kafir...zalim...fasiq.”⁷²

“Tidakkah engkau mengetahui bahawa sesungguhnya Allah yang menguasai segala alam langit dan bumi?”⁷³

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada *ulil-amri* (orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisih) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (al-Quran) dan (sunnah) Rasul-Nya jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan Hari Akhirat yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pada kesudahannya.”⁷⁴

Berdasarkan ini, tidak ada seorang pun yang berhak membuat undang-undang sendiri dan mengeluarkan perintah atas autoritinya sendiri dan tidak seorang pun yang berhak menjalankan kewajipan undang-undang dan mematuhi perintah yang didasarkan atas hak sendiri itu.

Konsep politik Islam menurut Abu A'la al-Maududi adalah konsep politik ‘ciptaan Allah’.⁷⁵ Ia ditentukan oleh wahyu yang diturunkan oleh Allah, oleh itu kebenarannya adalah mutlak, bersifat universal, dan abadi, tidak berubah menurut perubahan zaman dan keadaan, tempat maupun keadaan iklim. Konsep politik bagi

⁷¹ Istilah dalam al-Quran yang diertikan sebagai pemimpin atau yang secara langsung menyentuh hal-hal kepimpinan. Istilah yang sama makna dengan *khalifah* seperti *Imam/Imamah, Amir Al-Mukminin*, dan *Ulu'l-Amri*.

⁷² Al-Quran, surah al-Ma'idah 5:44,45,47.

⁷³ Al-Quran, surah al-Baqarah 2:107.

⁷⁴ Al-Quran, surah al-Nisa' 4:59.

⁷⁵ Amir A. Rahman, Pengantar Tamadun Islam, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 144.

orang Islam adalah konsep politik Islam sendiri dan memilih konsep politik yang lain selain darinya merupakan satu penyelewengan dan pencabulan terhadap agama.

Dalam melihat bentuk kepimpinan Islam, kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w adalah contoh kepimpinan yang ideal dan praktikal. Baginda telah menjalankan pemerintahan berdasarkan al-Quran. Tiada yang terbaik berbanding kepimpinan Baginda dan ia semestinya diikuti oleh seluruh umat manusia. Konsep kepimpinan yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w tidak dibezakan oleh sempadan geografi, ras mahupun negara tertentu dan sifatnya adalah sejagat. Beliau adalah pemimpin yang diakui terbaik seperti yang difirmankan oleh Allah s.w.t sendiri dalam wahyu-Nya iaitu :

“Dan tidaklah Kami (Allah) utus engkau (Muhammad s.a.w) melainkan untuk menjadi rahmat bagi seluruh alam semesta”⁷⁶

“Dan engkau Muhammad (s.a.w) sesungguhnya mempunyai budi pekerti yang tinggi.”⁷⁷

Menurut Al-Maududi juga, demokrasi yang cuba diwujudkan dengan nama demokrasi Islam adalah bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenarnya. Ini disingkap melalui kenyataannya :

“Democracy is a form of government in which the common people of a country are sovereign. Laws are made with their opinions and can be implemented that they want, and the law which they do not want would be removed from the statutes.”⁷⁸

⁷⁶ Al-Quran, surah al-Anbiya ayat 107.

⁷⁷ Al-Quran, surah al-Qalam ayat 4.

⁷⁸ Zafaryab Ahmad, “Maudoodi’s Islamic State”, dim. Mohammad Asghar Khan (ed.), Islam, Politics and the State : The Pakistan Experience, London : Zed Books Ltd., 1985, hlm. 99.

Menurut Al Maududi, teokrasi Islam juga berbeza dengan teokrasi barat iaitu :

“Islamic theocracy is not controlled by a special religious group of people but by ordinary Muslims. They run it according to the Quran and Sunnah.”⁷⁹

Sebuah negara Islam mestilah mengamalkan konsepsi politik Islam yang pemerintah negara semestinya orang Islam serta pemerintahannya juga perlu bebas dari segala pembaziran yang menelan kekayaan negara. Menurut Al-Maududi lagi, negara Islam adalah kerajaan yang berundang-undang. Allah sahaja yang menjadi Yang Dipertuan Agong (The Paramount Authority) dan Dialah penggubal undang-undang. Semua manusia adalah terikat dengan peraturan yang diwahyukan dalam al-Quran dan Sunnah Rasulullah. Negara Islam juga bebas dari nama dan pangkat dan yang ada hanyalah negara Islam ataupun Republik Islam.⁸⁰ Namun, masih wujud perbezaan di antara negara Islam dan negara orang Islam. Negara Islam adalah negara yang dibentuk secara Islam dan pemerintahan dijalankan secara Islam tetapi sebaliknya negara orang Islam adalah sebuah negara yang dibentuk bukan secara Islam iaitu berdasarkan nasionalisma, kapitalisma, komunisma, dan sebagainya.⁸¹ Asas negara Islam dapat dikategorikan kepada tiga iaitu :⁸²

- 1 *Aqidah* : Hak pemerintahan adalah hak mutlak Allah. Berdasarkan ayat al-Quran, surah an-‘am 6:73, terjemahannya “Dan Dialah yang menciptakan langit dan bumi dengan (tujuan) yang benar...”

⁷⁹ Ibid, hlm. 100.

⁸⁰ Amir A. Rahman, Pengantar Taradun Islam, hlm. 145.

⁸¹ Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris, Bagaimana Islam Berpolitik dan Memerintah, Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers, 1999, hlm. 59.

⁸² Mustafa Haji Daud, Pengantar Politik Islam, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm. 71.

- 2 *Syariah* : Merupakan peraturan dan undang-undang yang menetapkan perjalanan alam yang dikenali sebagai *Syariah Islamiyah*. *Syariah Islamiyah* merupakan undang-undang yang terbaik untuk manusia kerana ia digubal oleh pencipta manusia itu sendiri iaitu Allah berdasarkan ayat-ayat al-Quran.
- 3 *Akhhlak* : Tanpa nilai akhlak yang sebenar, gambaran tentang nilai-nilai kebaikan dan kebenaran akan jadi kabur. Jika akhlak itu diserahkan kepada fikiran dan penilaian individu, nilai itu akan berbeza antara satu dengan yang lain. Manusia akan terjerumus ke lembah kesesatan dalam politik kerana menurut pertimbangan nafsu dan kepentingan diri sahaja.

Konsep negara Islam menekankan *syariah* sebagai panduannya. Ia juga merangkumi negara-negara moden yang ada selagi negara-negara ini menganggap *syariah* sebagai asas sistem perundangan mereka dan selagi mereka tidak mengakui diri mereka sebagai sekular.⁸³ Hukum-hukum Allah yang diturunkan sebenarnya bertujuan untuk mengatur perbuatan manusia dalam segala urusan dengan penciptanya dan sesama manusia. *Syariah* memandu manusia supaya mengikut landasan agama dan sentiasa berada di bawah penyeliaan syariat agama. Menurut pandangan politik Islam, pemerintahan yang didorong oleh paksaan dan kekuasaan adalah satu bentuk penindasan yang dianggap sebagai perbuatan tercela.⁸⁴

⁸³ Muhammad Abdul Rauf, Ummah Negara Islam, Padilah Haji Ali (ed.), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hlm. 42.

⁸⁴ Mukadimah Ibn Khaldun, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm 197.

Berdasarkan kepada konsep ini maka, kini bolehlah diselusuri mengenai ideologi politik dan pemerintahan Pakistan dalam usaha menentukan sama ada ia benar-benar melaksanakan peranannya sebagai sebuah negara Islam atau sebaliknya.